

# Kerajaan setuju anugerahkan projek kepada koperasi polis

BERITA HARIAN 14 JUN 2025 W/S. 3

PM mahu koperasi terus cemerlang urus kewangan demi manfaat 100,000 ahli

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju menganugerahkan beberapa projek kepada syarikat di bawah kendalian Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) bagi membolehkan mereka menambah hasil, sekali gus memulangkan manfaat dividen lebih baik kepada lebih 100,000 anggota dan pegawai polis.

Justeru, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Koperasi PDRM meneruskan kecemerlangannya dalam mengurus kewangan koperasi, dengan menjayakan projek yang dianugerahkan nanti, tanpa sebarang masalah, berjalan secara berkesan serta dengan kos yang munasabah.

“Satu projek yang diberi ini manfaatnya kepada 100,000 orang (anggota dan pegawai polis), munasabahlah. Daripada kita beri suntikan geran kewangan, baik bagi projek, yang penting kos munasabah, cepat siap dan efisien.

“Untuk tahun ini, kita boleh luluskan dua atau tiga projek untuk dijalankan koperasi. Dengan pesanan pengurusan mesti *top class*. Kita sudah lihat berapa banyak syarikat dan koperasi yang melingkup. Beberapa banyak agensi kerajaan yang terpaksa tampung terus dan syarikat besar (bantu).

“Kerana ini salah pengurusan. Jangan lupa, bila diangkat dia lupa, belanja seolah-olah harta

mak bapak dia. Kemudian pertama fikir elau, kepentingan dia. Jadi sampai bila, tak nak fikir yang di bawah. Sebab itu orientasi kita bila sebut amanah, mesti bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-90 Koperasi PDRM, di sini semalam.

Yang turut sama hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Razaruddin Husain.

## Sedia tambah projek

Mengulas lanjut, Anwar memberi jaminan, jika pengurusan koperasi polis dapat menunjukkan prestasi baiknya dalam mengurus projek yang dianugerahkan, kerajaan sedia menambah bilangan projek pada tahun mendatang.

“Untuk (projek bina) beberapa IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) percubaan kita boleh lihat, serah kepada KDN (Kementerian Dalam Negeri), kemudian dia ada skop kerja dan pastikan harga itu munasabah dan kerana ini bukan syarikat swasta, kita boleh beri keutamaan.

“Bagi tempoh tiga tahun ini kita mula dan akan lihat (prestasi menguruskan projek yang dianugerahkan). Kalau baik untuk projek KDN dan polis, kita tambah lagi tahun depan,” katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Razaruddin memohon kerajaan mempertimbang penganugerahan kontrak pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan kepada KOP Construction Sdn Bhd (KOPCS) serta Kontrak Pembekalan Head To Toe PDRM kepada KOP Tradtech Sdn Bhd dan KOP Logistic Distribution Sdn Bhd.

Selain itu, Ketua Polis Negara juga memohon pertimbangan rayuan pengurangan bayaran sewa



Anwar sambil diperhatikan Saifuddin dan Razaruddin menyampaikan bayaran pampasan Koperasi PDRM kepada waris anggota FRU yang terkorban dalam kemalangan pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-90 KPDRM di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

dan hapus kira hutang premis Kolej UNIKOP Cyberjaya, bagi tahun 2024 kepada pihak Cyberview Sdn Bhd.

“Kelulusan permohonan ini akan mengukuhkan lagi usaha menaik taraf kolej ini sebagai Universiti Kepolisian dan Keselamatan yang unggul di rantau Asia Tenggara,” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan menerusi Kementerian Kewangan (MOF) sedia berunding untuk cadangan memansuhkan hutang lapuk, namun berpandangan ia wajar dipertimbang dengan pemberian potongan yang munasabah.

“Hutang untuk lupus. Baik, ki-

ta boleh runding, tengok bagaimana. Saya tidak fikir wajar kita lupus semua (hutang), tapi saya fikir berdasarkan prestasi polis yang baik sekarang, kita berikan potongan munasabah.

“Tetapi lebih penting daripada itu, koperasi berikan laporan kepada KDN dan saya. Saya akan perhatikan bagaimana kita boleh kerja dan saya beri arahan kepada MKII (Menteri Kewangan II) dan KSP (Ketua Setiausaha Perbendaharaan) mencari jalan lain yang boleh kita berikan untuk memastikan keuntungan diperoleh koperasi itu diberi manfaat kepada ramai yang menjadi anggota,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar menjelaskan, tadbir urus yang baik adalah prinsip amat penting dalam pentadbiran, kerana ia bukan hanya boleh meningkatkan kecekapan, tapi juga menjimatkan perbelanjaan.

“Tadbir urus itu penting. Ada kelemahan? tentunya, kita cuba perbaiki tapi prinsip dasar urus tadbir tender, dengan tender sahaja kita boleh menyelamatkan berbilion ringgit.

“Jangan pandang ringan (soal tadbir urus yang baik), berbilion itu boleh pulang ke sekolah daif, latihan anak kita, perubatan ibu bapa kita, itu yang kita lakukan,” katanya.